



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542

**SIARAN MEDIA:  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**FBI IKRAR DERMA ORGAN**

Putrajaya, 21 Mac 2015 - Pada hari ini, pengacara dan penyampai radio terkenal Faizal bin Ismail (FBI) telah berikrar sebagai penderma organ semasa Rancangan Nasi Lemak Kopi O di TV9. Turut hadir sama adalah selebriti Imam Muda Asyraf yang juga sudah lama berikrar sebagai penderma organ. IM Asyraf juga merupakan Duta Derma Organ yang telah dilantik secara sukarela oleh pihak Kementerian. Ikrar derma organ bererti seseorang melahirkan hasrat untuk menderma organ selepas meninggal dunia. Seseorang yang telah berikrar dinasihatkan untuk memberitahu ahli keluarga terdekat mengenai hasratnya kerana berdasarkan peruntukan Akta Tisu Manusia 1974, hanya ahli keluarga sahaja yang berhak untuk memberi kebenaran untuk menderma organ si mati pada saat kematian.

Fatwa Kebangsaan yang dikeluarkan pada tahun 1970 telah mengharuskan pendermaan organ. Ikrar FBI dan IM Asyraf memberi harapan kepada lebih 19,000 pesakit yang memerlukan. Rakyat Malaysia disarankan untuk menjaga kesihatan diri dengan mengamalkan cara hidup yang sihat bagi mengelak penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis dan darah tinggi seterusnya mengelak penyakit kegagalan organ seperti buah pinggang.

Saya menghargai sumbangan dan sokongan selebriti tanahair terhadap kempen derma organ yang dijalankan oleh pihak Kementerian. Saya berharap agar lebih ramai akan tampil ke hadapan secara sukarela bagi membantu pesakit yang memerlukan.

Maklumat lanjut atau pertanyaan mengenai derma organ boleh didapati di [www.dermaorgan.gov.my](http://www.dermaorgan.gov.my) atau [www.facebook.com/dermaorgan](https://www.facebook.com/dermaorgan).

#dermaorgan

**DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

**TARIKH: 21 MAC 2015**